Kemayan Construction Sdn Bhd lwn TC Development Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S2–22–201–1997
ABDUL HAMID SAID PK
14 APRIL 2000

Acara Sivil *— Afidavit-afidavit — Jurat — Tiada hak milik berasingan di dalam tindakan — Sama ada kecacatan boleh dipulihkan*

Plaintif telah memohon untuk membatalkan pernyataan pembelaan terpinda defendan. Defendan membangkitkan bantahan awal kepada afidavit plaintif yang mengandungi satu jurat yang tidak secara berasingan menyatakan tajuk tindakan tersebut sepertimana yang dikehendaki oleh Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Diputuskan, menolak bantahan awal tersebut:

(1) Meletakkan tajuk seperti dalam tindakan adalah suatu perkara sia-sia kerana jurat bukan suatu dokumen yang berasingan dari afidavit yang diikrar. Dengan lain-lain perkataan jurat itu mempunyai tajuk yang sama seperti afidavit yang difailkan dengan permohonan pemohon. Ketiadaan tajuk tidak menyebabkan prasangka kepada pihak lawan ataupun membawa kepada ketidak-adilan kepada mana-mana pihak (lihat ms 174C–D).

(2) Tanpa tajuk juga tidak termasuk dalam golongan menjejaskan merit dan bidang kuasa mahkamah (lihat ms174D–E).

[English summary

The plaintiff applied to strike out the defendant's amended statement of defence. The defendant raised a preliminary objection to the plaintiff's affidavit which contained a jurat that did not separately state the title to the action as required by the rules of court.

Held, dismissing the preliminary objection:

(1) Placing the title to the action before the jurat was useless as the jurat was not a separate form from the afirmed affidavit. In other words, the jurat would invariably carry the same title as the affidavit filed with the application. The absence of a jurat did not cause any prejudice to the opposing side nor did it cause any injustice to any party (see p 174C–D).

(2) The absence of a jurat was not in the same category as an issue affecting the merits of the claim or the jurisdiction of the courts (see p 174D–E).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai affidavit secara am, lihat 2(1) *Mallal's Digest*, 4th Ed, 1998 Reissue) perenggan-pereggan 219–293.

Kes-kes yang dirujuk

Perbadanan Nasional Insurans v Pua Lai Ong [1996] 3 MLJ 85 (dirujuk)

Han Euu Tiam v Phang Kui Fatt & Ors [1999] 4 CLJ 395 (dirujuk)

Lai Yoke Ngan & Anor v Chin Teck Kwee & Anor [1997] 2 MLJ 565 (dirujuk)

Pemunya Kapal MV Brihope & Ors v Emmanual E Okwuosa [1996] 3 AMR 3917 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k 1(1), A 32 k 13(2), A 41 k 1(8)

KL Pang (*Cheah The & Su*) bagi pihak plaintiff.
Allan Chan (*Peter Goh & Partners*) bagi pihak defendan.

Abdul Hamid Said PK: Sebelum pendengaran permohonan plaintif bagi membatalkan pindaan defendan kepada pernyataan pembelaan pindaan (41), defendan telah membuat dua bantahan awal. Saya telah menolak kedua-dua bantahan awal itu. Bantahan awal kedua defendan berkaitan bentuk borang yang digunakan di dalam permohonan plaintif di dalam (41).

Di sini saya menurunkan keputusan saya bagi bantahan awal berkaitan ketidakpatuhan plaintif di dalam afidavitnya, iaitu di bahagian jurat, yang dikatakan tidak mematuhi A 41 k 1(8) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') yang berbunyi:

> (8) Sesuatu jurat mestilah mengikut salah satu bentuk dalam Borang 78. Dan Borang 78 dalam KMT 80 berbunyi: Borang-borang Jurat
>
> 'Tajuk seperti dalam tindakan.'
>
> (a) Berkenaan dengan affidavit oleh defendan bernama ... Diangkat sumpah (atau diikrarkan) pada ... haribulan ... 19...'
>
> Di hadapan saya,
>
> ...
>
> Pesuruhjaya Sumpah

Di bahagian jurat dalam afidavit sokongan membatalkan pindaan belaan defendan deponen afidavit, tidak dituliskan tajuk:

> Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Kuala Lumpur
> (Bahagian Sivil)
> Guaman Sivil No S2–22–201 Tahun 1997
> Antara
> Kemayan Construction Sdn Bhd ... Plaintif

Dan

TC Development Sdn Bhd ... Defendan

Iaitu mengulangi tajuk yang ada bersama afidavit yang difailkan.

Di dalam kes *Perbadanan Nasional Insurance Sdn Bhd v Pua Lai Ong* [1996] 3 MLJ 85 ('Kes MNI'), Mahkamah Rayuan memutuskan di ms 93:

> Order 32 r 13(2)(b) makes it mandatory for such an affidavit in reply to be filed and served within 14 days from the time the affidavit that it seeks to reply is received. The word 'must' as opposed to 'may' is used in the rule, and we interpret that to mean as implying a peremptory mandate as opposed to a mere direction or discretion as the word 'may' implies. We equate the meaning of the word 'must' as that given to the word 'shall', and for that reason the choice of the word 'must' in the rule does not create the existence of any discretion or empowers to exercise such discretion.

Yang Arif hakim di dalam kes *Han Euu Tiam v Phang Kui Fatt & Ors* [1999] 4 CLJ 395 memutuskan di ms 400 di garis c–e:

> In my judgment, there is merit in this preliminary objection. Clearly there has not been compliance with O 41r 1(7) and (8) and Form 78. First there is no title in the jurat used in all four affidavits. A jurat is a certificate and it is clear Form 78, by the presence of the words:
>
> (Title as in action)
>
> Appearing at the top of the Form, that the title to the action must be stated at the top of the certificate.

Yang Arif hakim di dalam kes ini telah mencapai keputusan yang sama seperti kes MNI walaupun YA tidak merujuk kepadanya. YA cuma merujuk kepada *Jowitt's Dictionary of English Law*, (1977 Ed). Di keputusan 4, Yang Arif dilaporkan:

> Strict compliance with the prescribed format is necessary ... and bearing in mind that O 41 r 1(7) and (8) uses the word 'must', the jurat as used by the Plaintiff is not a valid jurat. The affidavits are defective and unacceptable and the interlocutory application must on that ground fail ...

Di dalam hujahnya peguam plaintif telah menarik perhatian saya kepada kes *Lai Yoke Ngan & Anor v Chin Teck Kwee & Anor* [1997] 2 MLJ 365.

Di bahagian diputuskan di ms 569 Yang Amat Arif Mohd Azmi, Hakim Mahkamah Persekutuan, pada masa itu, memutuskan:

> Budi bicara yang boleh digunakan oleh Mahkamah bagi membetulkan luar aturan di bawah A 2 k 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 (KMT) dibaca bersama dengan ss 69(4) dan 101 Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 hanya patut dijalankan dalam ketiadaan prasangka. Justeru itu kecacatan yang menjejaskan merit atau bidang kuasa Mahkamah tidak patut dibetulkan dalam pelaksanaan kuasa budi bicara.

Di dalam kes yang sama di bahagian obiter, Yang Arif Gopal Sri Ram, Hakim Mahkamah Rayuan, berkata:

> Perintah dan penghakiman yang dibuat atau dimasukkan oleh Mahkamah begitu, dalam litigasi persendiran, dalam pelaksanaan kuasa memaksanya atas keingkaran suatu pihak kepada sesuatu guaman, jikapun dibuat atau

A dimasukkan melanggar kaedah Mahkamah atau amalan, adalah semata-mata luar aturan. Mereka bukanlah pembatalan. Apa-apa prosiding yang dimulakan, atau apa-apa perintah atau penghakiman yang diperolehi yang memungkir kaedah Mahkamah adalah selalu tertakluk kepada kuasa kuratif Mahkamah yang boleh didapati di bawah A2 k 1 KMT.

B Pendekatan yang betul adalah untuk mahkamah menerima bahawa suatu kemungkiran kaedah Mahkamah menyebabkan prosiding berkenaan luar aturan dengan kuasa dalam Mahkamah untuk memaafkan ketidakpatuhan. Kuasa ini harus dikuasakan secara adil dengan mengambilkira sebahagian besar merit sesuatu kes dengan menitikberatkan kepentingan keadilan. Pada asasnya, ia merupakan tanggapan objektif sesebuah Mahkamah di mana terletaknya keadilan sesuatu kes tertentu yang menentukan sama ada luar

C aturan harus dibetulkan ...

Yang Amat Arif Mohd Azmi, pada masa itu, menghadkan budi bicara mahkamah mengikut A 2 k 1(1) KMT, membetulkan ketidakpatuhan kepada kaedah-kaedah Mahkamah dalam ketiadaan prasangka. Tetapi kecacatan yang menjejaskan merit atau bidang kuasa mahkamah tidak patut

D dibetulkan.

Sementara Yang Arif Gopal Sri Ram di dalam obiternya, bukan ratio decidendi kes tersebut, kuasa mahkamah memaafkan ketidakpatuhan perlu menitikberatkan kepentingan keadilan. Akhirnya adalah menjadi tanggapan objektif mahkamah di mana terletak keadilan sesuatu kes tertentu yang menentukan sama ada luar aturan harus dibetulkan.

E Saya memahami kes *MNI* terhad kepada ketidakpatuhan A 32 k 13(2)(b) KMT. Saya memutuskan demikian setelah membaca kes *Pemunya Kapal MV Brihope & Ors v Emmanuel E Okwuosa* [1996] 3 AMR 3917 ('Kes *MV Brihope*') di ms 3952 yang berkata:

F 'Order 32 r 13(2) of the RHC was specially enacted to eradicate the rampant abuse of process by malevolent, indolent or unpaid practitioners who had devised a fail-safe method of causing unwarranted delays by piling affidavits at the last minute. The rule is mandatory': Mahadev Shankar, Hakim Mahkamah Rayuan, pada masa itu.

Pada hemat saya, kes *MV Brihope* dan kes *MNI* mencapai keputusan yang

G sama. Dan kedua-dua keputusan itu terhad kepada kes berkaitan A 32 k 13(2) KMT. Dan ini pada pendapat saya sejajar dengan keputusan Yang Amat Arif Mohd Azmi, Hakim Mahkamah Persekutuan, pada masa itu yang memutuskan bahawa pembetulan di luar aturan di bawah A 2 k 1(1) KMT hanya 'patut dijalankan dalam ketiadaan prasangka.'

H Pada hemat saya, borang yang digunakan di dalam permohonan di mahkamah seperti kulit sebiji benih. Kalau kulit biji benih itu cacat, benih itu masih boleh ditanam dan ia akan bercambah. Tetapi tanpa kulitnya sama sekali, benih itu tidak akan hidup.

Aturan 2 KMT bertajuk 'Kesan Kerana Ketidakpatuhan' A 2(1) KMT berbunyi:

I ... kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak kaedah-kaedah ini, sama ada berkenaan dengan masa, tempat, cara, bentuk atau isi kandungan atau dalam apa-apa jua segi lain, maka kegagalan itu hendaklah dikira sebagai luar

aturan dan ia tidak batalkan prosiding itu, atau membatalkan apa-apa langkah yang diambil dalam prosiding itu, atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah di dalamnya. A

Aturan 2 k 2(2) Permintaan untuk ketepikan apa-apa prosiding ... atau apa-apa dokumen ... kerana luar aturan tidak boleh dibenarkan melainkan permohonan itu dibuat dalam masa yang munasabah dan sebelum pihak yang memohon itu telah mengambil apa-apa langkah baru ... B

Keseluruhan falsafah ketidakpatuhan berubah dengan menghadkan ketidakpatuhan 'sebagai luar aturan'. Pembatalan tidak wujud lagi. Walaupun demikian, luar aturan 'tidak boleh dibenarkan melainkan permohonan itu dibuat dalam masa yang munasabah'.

Dalam kes di hadapan saya, bantahan adalah tentang tidak guna tajuk kepada jurat. Kepada saya, meletakkan tajuk seperti dalam tindakan adalah suatu perkara sia-sia memandangkan jurat bukan suatu dokumen yang berasingan dari afidavit yang diikrar. Dengan lain-lain perkataan jurat itu mempunyai tajuk yang sama seperti afidavit yang difail bersama dengan permohonan pemohon. Ketiadaan tajuk tidak menyebabkan prasangka kepada pihak lawan ataupun membawa kepada ketidakadilan kepada mana-mana pihak. Tanpa tajuk juga tidak termasuk dalam golongan menjejaskan merit atau bidang kuasa mahkamah. Dengan hal demikian, saya menolak bantahan awal dengan kos. C D

Bantahan awal ditolak. E

Dilaporkan oleh Andrew Christopher Simon

F G H I